

Puan Hazizah Suri yang Seolah-olah

Wawancara khas oleh ZAINI ZAINUDDIN
Gambar 2 oleh YUSOF OMAR

PEPATAH Melayu berkata: 'Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa tahu'. Demikian juga dengan penduduk di Kampung Bahru, Srusu, Port Dickson. Mereka tidak menyangka bahawa PUAN HAZIZAH RAMAH, satu hura selak bakal menjadi suri Rumah Negeri, di Negeri Sembilan.

Beliau seorang guru di Port Dickson dan kini menjadi isteri Menteri Besar Negeri Sembilan. Katanya merendah diri: "Saya telah mencipta sejarah kerana ialah kali pertama, seorang guru dari Port Dickson menjadi isteri Menteri Besar. Saya tidak bangga, cuma saya bersyukur kerana seorang-kurangnya, saya dapat menabur bakti pada masyarakat yang memerlukan."

Memang, Puan Hazizah sendiri tidak pernah membayangkan atau bermimpi akan suatu hari kelak. Cuma beliau tahu dan sedar bahawa suaminya giat dalam politik serta menjadi Wakil Rakyat.

Seungguhnya Puan Hazizah 1982 sedang membawa tuah pada keluarga Puan Hazizah. Ia membawa berita kegemilangan. Ia membawa kemenangan besar. Dan ia akan menjadi kenangan paling manis sepanjang hidup Puan Hazizah sekeluarga. Lebih-lebih lagi bagi diri Puan Hazizah — segala itu akan terus terpahai kukuh di dasar hatinya.

Dari hasil Pilihanraya 1982 juga, suaminya, ENKIC MOHAMMAD ISA DATUK ABDUL SAMAD menang tanpa bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Kawasan Langkat dan seterusnya telah terpilih sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan yang baru, menggantikan Datuk Rais Yatim, berahuri ini.

"Saya tidak menduga sama sekali, antara barisan calon yang disarankan, suami saya yang dipilih. Syukur Alhamdulillah dan terima kasih atas kepercayaan rakyat serta puji-pujian terhadap suami saya menjadi menteri."

"Ura-ura dan tanggapan tentang suami saya bakal dilantik menjadi Menteri Besar memang banyak didengar sebelum ini tapi saya tahu itu cuma ramalan. Saya sendiri tidak yakin suami saya akan menjadi Menteri Besar kerana dia masih baru dalam dunia politik — baru sepejabat menjadi Wakil Rakyat."

"Bahkan pihak akhbar telah menelefon saya menanyakan suami saya sah dilantik menjadi Menteri Besar sambil mengucapkan tahniah. Tetapi, saya masih mengagap itu adalah spekulasi semata-mata. Saya tidak mahu berkhalayak sendiri."

"Akhirnya, setelah menerima panggilan dari Isa sendiri, mengesahkan berita perantikkannya, barulah saya percaya. Dan seperti yang telah diduga, tahniah datang bertalu-talu sama ada dari orang kampung atau kawan-kawan rapat."

"Orang yang datang berkunjung ke rumah juga bertali arus. Hampir setiap malam, ada sahaja yang datang. Walaupun leih melayan dengan baik, teringat Puan Hazizah ketika ditemuinya di rumah ayahnya di Kampung Bahru, Srusu,



□ Puan Hazizah Haji Tunin... 'minat politik tapi tidak berhasrat bergiat secara serius.'

Port Dickson. (Ibunya telah pun meninggal dunia ketika beliau berada dalam tingkatan empat). Wajahnya bercahaya-gembira dengan kejayaan suaminya.

Puan Hazizah, 29, seorang wanita sederhana dan lemah lembut itu amat mudah diajak berbual. Beliau adalah anak kenam dari tujuh orang adik-beradik (lalu enam orang perempuan dan seorang lelaki).

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kem Sungai, Port Dickson. Seterusnya, beliau menyambung dunia persekolahannya ke Sekolah Tinggi Port Dickson hingga tamat tingkatan lima.

Beliau kemudian meneruskan kelas tingkatan enamnya di sekolah yang sama dan menduduki peperiksaan HSC pada tahun berikutnya. Malangnya, Puan Hazizah gagal mendapatkan sijil penuh dalam peperiksaan tersebut. Dan kegagalannya itu bererti menahkalahkan impiannya selama ini untuk menjadi seorang guru berijazah.

Mengajar

Beliau berasa sungguh kecewa atas kegagalan tersebut. Bukan kerana tidak serius menghadapi pelajaran tetapi baginya, mungkin nasib tidak beramanya. Itulah kali pertama dan itu jugalah kali terakhir beliau menduduki peperiksaan HSC.

"Kegagalan kali pertama telah menggerakkan saya. Saya tidak berminat untuk mengambalnya lagi walaupun ramai yang menasihati untuk meneruskan. Tetapi, saya memilih untuk menaruh jauh ke hadapan. Mungkin meng-

ingat saat beliau menerima berita kegagalannya itu.

"Bila saya mencelah secara berjenaka, 'Takkan tak mahu ambil lagi sekarang. Cuba-cuba'. Secara spontan sambil memandang anak sulungnya yang berada di sisi, beliau menjawab dengan lara memahang, 'Cukuplah tu. Apa lagi ada anak ni. Masa untuk mengulangkaji tentu tidak mencukupi'."

Namun begitu, kegagalan itu dirasakan sebanter cuma apabila beliau diterima mengulangi kursus perguruan selama dua tahun di Maktab Perguruan Perempuan Raja Meliwar, Seremban pada tahun 1976. Sebelum itu, Puan Hazizah juga pernah mengajar sementara di Sekolah Kebangsaan Chuah, Port Dickson.

"Sekadar mencari pengalaman," ujarnya. Setelah tamat kursus pada tahun 1977, beliau diarahkan mengajar di Sekolah Rendah Abu Bakar, Mentakab, Pahang selama lebih kurang setahun. Akhir tahun 1977, beliau bertukar pula ke Sekolah Kebangsaan Telangan, Seremban atas alasan telah berumah tangga. Berlutunya, pada tahun 1978, beliau memilikai tukar ke Sekolah Rendah Port Dickson pula.

"Saya anak jati Port Dickson dan menghabiskan waktu belajar sekolah rendah dan menengah di Port Dickson. Jadi, biarlah 'belut pulang ke lumpur'. Saya gembira bila dapat mengajari di tempat asal kerana saya ingin melihat kemajuan sekolah di kampung sendiri," ujar Puan Hazizah teresenyum manis pada saya.

Cuma satu yang masih dikesalnya dan mungkin akan terus menjadi bahan soal selidik setiap kali soal itu dikemukakan — tidak dapat menjadi guru berijazah.

Sambil duduk berandar di kusen kerusi kayunya dan berfikir-menyusun bicara, Puan Hazizah berkata, "Hanya satu yang terlintas di saya bukan guru berkelulusan Ijazah sekadar guru lepasan maktab. Tapi, cita-cita menjadi guru dan menceurah segala ilmu yang ada pada anak bangsa tercapai juga."

Bergula

Bagaimanapun, sama ada guru berkelulusan maktab atau berijazah, yang nyata kini, Puan Hazizah terpaksa meninggalkan dunia pendidikan yang diertinya lebih enam tahun itu. Bukan atas kehendaknyanya tetapi telah ditentukan kerana masa tidak mengizinkan beliau menumpukan dua tugas penting sekali itu.

Menurutnya, "Dulu, saya beracadang hendak memulau cuti lampa galu. Ertinya, tugas isteri Menteri Besar tetap dijalankan tanpa mengenehkan juga tanggungjawab sebagai seorang guru."

"Tapi, teori sahaja tidak semudah praktikal. Mungkin, senang bagi saya berkata begitu, untuk melaksanakannya, saya percaya, sukar sekali kerana dua tugas perlu dikajari. Kalau saya menjalankan tugas sebagai seorang isteri Menteri Besar, bermakna saya terpaksa meninggalkan kelas. Tentu itu suatu yang merugikan bagi anak-anak murid saya dan saya tidak mahu melihat mereka gagal dalam pelajaran."

"Oleh itu, sebagai langkah paling wajar ialah melupakan karier saya sebagai seorang guru dan kembali menumpukan sepenuh perhatian pada keibikhan masyarakat."

"Sungguhpun ia satu keputusan yang berat untuk diambil tetapi terpaksa, demi kepentingan rakyat," sambung Puan Hazizah.

Bila dilanya kisah cintanya bersama Enkic Mohammad Isa yang akhirnya membawa beliau bersama menjelajahi dunia politik dan seterusnya, menjadi isteri Menteri Besar, dengan teresenyum simpul, Puan Hazizah menceritakan:

"Sebelum ke Maktab, saya giat dalam perantukan belia sementara Isa menjadi Pengerusi ketika itu. Bila diadakan mesyuarat, kami sama-sama menghadiri. Dan apabila saya belajar di Maktab, Isa pula mengajar di Sekolah Dato Abdul Razak yang terletak berhampiran."

"Setiap kali ada sebarang program di Maktab, Isa selalu datang. Malahan, kami



□ Puan Hazizah minat tanam orkid... 'bunga orkid tahanan lama dan cantik.'

Juga selalu balik sama ke Port Dickson, Malaya, hanya kawan-kawan biasa sahaja tetapi...". Puan Hazizah melu untuk menerangkan lalu saya menyambung, "akhirnya jatuh cinta." Kami berdaya ketawa.

Akhir tahun 1977, beliau mendirikan rumah tangga setelah setahun mengikat tali pertunangan. Hasil perkongsian hidup mereka berdua, telah dikurniakan dua orang anak — Mohammad Najib (tiga setengah tahun) dan Megawati (setahun).

Kegiatan Puan Hazizah dalam politik memang nyata. Sebelum mengajari, beliau menjadi ahli Pergerakan Wanita UMNO, Cawangan Kampung Bahru.

Apabila, suaminya menjadi Wakil Rakyat, beliau dilantik sebagai Ketua Wanita UMNO sejak tahun 1979 di samping menjadi Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO, Bahagian Teluk Kemang.

Pada tahun 1981, beliau dilantik menjadi mmuatkan anak-anak cukup mendapat kasih sayang," kata Puan Hazizah tenang.

Beliau juga menjadi Pengerusi PEKERTI (Perantukan Isteri-Isteri Wakil Rakyat dan Pegawai Kerajaan).

"Sewaktu pilihanraya lalu, Puan Hazizah turut berkempas dari rumah ke rumah mengulgi suaminya dan tidak lebih dari itu. "Saya memang minat dalam politik tetapi tidak berhasrat untuk serius seperti Isa. Membantu di belakang adalah mendedah. Biarlah saya berpoltik di rumah sahaja — menjaga keutuhan rumah tangga dan memantapkan anak-anak cukup mendapat kasih sayang," kata Puan Hazizah tenang.

Bila dilnya apakah rancangannya pada masa depan sebagai seorang isteri Menteri Besar, Puan Hazizah menjawab selamba:

"Terlalu awal bagi saya merencanakannya — takut tidak terlaksanakannya pula. Bagaimanapun, saya akan meneruskan segala usaha yang telah Datin Maahh laksanakan dan cuba mambali di mana yang patut atau membuat pembaharuan. Tunggailah nanti."

Sebagai seorang wanita, Puan Hazizah juga terpaksa memikul tugas di rumah. Membincangkan tentang wanita yang terluhi giat di luar rumah sehingga lais dalam melaksanakan urusan rumah tangga, Puan Hazizah berkata dengan jujur bahawa hal itu memang tidak dinafikan.

"Oleh itu, setiap wanita mesti pandai membahagikan masa antara kegiatan di luar dan dalam rumah. Bagi saya, kalau di masa-masa cuti, segala urusan rumah termasuk memasak akan saya lakukan dan tidak menyerahkan pada orang gadi."

"Saya juga mesti tidur bersama anak-anak agar kasih sayang itu itu tetap mengiliri di kalangan keibikhan zaman pulu, saya akan membawa mereka berlar-lari. Apa lagi, kegiatan perantukan hanya diadakan sebelah petang," jelas Puan Hazizah.

Beliau menyambung, "Perantukan wanita dalam politik memang wajar kerana wanita juga ada hak boleh memimpin. Kita pun sekarang telah ada enam orang wanita dalam kabinet baru 2M. Ini menggalakan. Lebih baik lagi jika wanita itu berjaya di rumah dan berjaya dalam politik."

Menyentuh kegemanya, dengan mudah Puan Hazizah menjawab, "Saya minat nandah bunga terutama bunga orkid kerana ia tahan lama dan cantik. Saya pernah menanam beberapa hobi sampingan kerana ia berat sikit. Lebih ada masa yang benar-benar sesuai untuk duduk membaca. Dapet mengatului perantukan dunia dalam dan luar melalui pembacaan akhbar sudah memadai supaya tidak digatal keibikhan zaman pulu."

Lapangan sukan seperti bola jaring juga dilnanti tetapi setelah berumah tangga, semua itu ditinggalkannya. "Buat kerja rumah satu satu senaman juga," katanya ketawa.



□ Gambar kiri: Puan Hazizah bersama suami dan anak-anaknya digambar di hadapan rumah bapanya di Kampung Bahru, Srusu, Port Dickson, Negeri Sembilan, minggu lalu. Dari kiri anaknya, Mohammad Najib, 3 1/2 tahun; suaminya, Enkic Mohammad Isa, Menteri Besar baru Negeri Sembilan dan otas di bangkangnya, Megawati, anak perempuannya yang baru berusia setahun.